

**INFO**

- Malaysia menyumbang hampir satu tan metrik setahun kepada pencemaran plastik di lautan di tempat kelapan di dunia
- China - hampir sembilan tan metrik
- Indonesia - lebih tiga tan metrik
- Filipina - Dua tan metrik
- Vietnam - Dua tan metrik
- Sri Lanka - Dua tan metrik
- Thailand - satu tan metrik
- Mesir - Satu tan Metrik
- Dipercayai juga seluruh dunia, antara 13,000 hingga 15,000 plastik dibuang ke laut setiap hari
- Sebanyak 6.4 juta tan setiap tahun dengan 46,000 plastik tiap batu persegi dalam laut.
- Kajian yang dilaporkan cleanwater.org di Amerika menunjukkan 98 peratus anak burung diberi makan plastik yang terapung di permukaan laut oleh ibunya.
- Kira-kira 35 peratus daripada 672 ikan yang ditangkap memakan plastik, manakala 100,000 makluk laut mati setahun kerana terjeru plastik.



**ANTARA** kemudahan yang disediakan bagi menggalakkan orang ramai melakukan pengasingan sisa.

## Plastik tidak mudah mereput

**S**ECARA amnya, kita perlu menyasarkan supaya rakyat di pelbagai peringkat umur memahami tentang alam sekitar, hidupan liar, cuaca dan kesihatan akibat daripada penggunaan plastik. Tahun lepas Hari Bumi telah mempromosikan literasi alam sekitar dengan harapan pendidikan berlaku berterusan.

Senius pihak termasuklah antaranya pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin tempatan, komuniti kampus, artis, atlet dan pelajar serta guru mereka mestilah aktif menggerakkan semangat dan amalan menguruskan plastik ke arah tiada pencemaran plastik.

Sekarang dianggarkan sebanyak 300 juta tan plastik dihasilkan setiap tahun untuk membuat beg, botol, pembungkus dan lain-lain untuk kegunaan kita.

Lebih kurang 10 peratus daripada plastik itu dikitar dan diguna semula.

Selebihnya berakhiri di tapak pelupusan sampah dan alam semula jadi.

Malangnya bahan kimia berbahaya dalam plastik terhakis ke tanah dan air yang mana akan membahayakan hidupan liar dan seumpamanya.

Akhirnya bahan kimia ini berkumpul di dalam organisme sepanjang rantai makanan dan



KANAK-KANAK perlu dididik supaya mengamalkan aktiviti kitar semula.

# Bumi sudah 'sesak nafas'

## ralat & rawat

Bersama DR. AHMAD ISMAIL

Siri 64

**P**ADA 22 April setiap tahun seluruh dunia menyambut Hari Bumi. Sambutan Hari Bumi ini bermula pada 22 April 1970 apabila masyarakat di Amerika Syarikat menyuarakan isu alam sekitar akibat daripada aktiviti pembangunan.

Sejak itu, Hari Bumi disambut pada setiap tahun dengan pelbagai tema dan aktiviti. Yang lazim dilakukan masyarakat ialah aktiviti menanam pokok. Pernah dicadangkan setiap orang mesti menanam sebanyak dua batang pokok sepanjang hayatnya sebagai tanda sumbangan kepada kemasuhan pokok-pokok akibat pembangunan.

Pokok memainkan peranan penting dalam keseimbangan sesuatu ekosistem. Selain aktiviti menanam pokok, banyak lagi perkara boleh dijalankan sama ada dalam bentuk pendidikan di pelbagai peringkat atau menyuarakan pandangan kepada kerajaan melakukan sesuatu bagi menyelamatkan bumi daripada bencana alam, pencemaran dan kesejahteraan manusia.

Sesuai dengan sambutan Hari Bumi selepas menyambut Hari Air, Hari Hutan Antarabangsa dan Hari Hidupan Liar Sedunia dalam bulan Mac, maka seluruh masyarakat sudah mempunyai momentum dari segi pengetahuan, kesedaran, semangat dan amalan dalam pemuliharaan sumber semula jadi.

Sekiranya ini berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia, maka isu pencemaran alam sekitar dan penebangan hutan dapat dikurangkan serta pemuliharaan habitat untuk hidupan liar dan air akan dapat diperbaiki.

Sambutan Hari Bumi yang hampir 50 tahun ini menerusi pelbagai tema yang telah dipersetujui. Antaraanya ialah keselamatan lapisan ozon, udara bersih, wilayah, pemuliharaan, perlindungan kepelbagaiannya biologi, kesepakatan untuk mengurangi pencemaran dan mencegah perubahan iklim. Asas kepada sebahagian daripada tema yang disebutkan itu adalah pemuliharaan hutan atau habitat yang boleh mengancam kesejahteraan manusia.

Memang hasrat Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyatakan pada tanggal 22 April sambutan Hari Bumi untuk meluaskan kesedaran tentang alam sekitar yang mendalam berkaitan bumi dan ekosistemnya. Selain itu, PBB mahu serta melahirkan generasi aktivis alam sekitar yang baru agar berbagai keperluan berkaitan alam sekitar peringkat tempatan, kebangsaan atau antarabangsa terus tercipta.

Bagi mencapai hasrat tersebut perlu kerangka penting yang mesti dilakukan ialah pendidikan dan penyelidikan.

Pendekatan pendedahan

maklumat Hari Bumi mestilah dipelbagaikan bagi menarik minat masyarakat menyertai dan mengamalkan hal-hal berkaitan keselamatan bumi. Dalam era media baharu ini proses menyampaikan maklumat lebih mudah dan cepat.

Apa yang diperlukan ialah idea dan kreativiti dalam menyampaikan maklumat berkesan.

Program pendidikan alam sekitar sangat penting dan mestilah berterusan disesuaikan dengan kehendak generasi.

Tahun lepas PBB memberikan penekanan kepada literasi alam sekitar untuk semua lapisan masyarakat dengan tema literasi alam sekitar dan perubahan cuaca.

Kejayaan di Malaysia boleh diukur sejauh mana masyarakat umum bercakap tentang alam sekitar dan mengamalkannya. Dengan tanpa pendidikan, masyarakat tidak mempunyai pengetahuan dan data untuk menyokong polisi kerajaan.

Tambahan lagi tema Hari Bumi pada tahun 2018 ini sangat mencabar semua masyarakat di dunia. Tamatkan Pencemaran Plastik (*Ending Plastic Pollution*) adalah sangat sukar untuk dijawab. Ini kerana dalam kehidupan sehari-hari kita tidak dapat lari daripada menggunakan bahan berbasiskan plastik. Selain peralatan, perabot dan barang elektronik yang kebanyakannya melibatkan plastik, barang makanan harian juga dibungkus dengan plastik. Bagi memastikan tiada pencemaran plastik pengetahuan dan disiplin yang tinggi diperlukan.

Isu pencemaran plastik hangat dibincangkan dalam media dan forum terkini.

Plastik boleh menyebabkan keracunan dan kecederaan



**SAMPAH** daripada plastik kini menjadi agen pencemar yang serius kepada bumi. - Gambar hiasan.


hidupan laut hinggalah mengganggu sistem hormon manusia. Daripada membuat sampah di pantai dan landskap hinggalah menyebabkan saliran tersumbat dan memenuhi tapak pelupusan sampah, pertambahan penggunaan plastik dan pencemaran plastik sekarang mengancam keselamatan bumi.

Bagi menjawab persoalan tema Hari Bumi 2018 ini maklumat dan inspirasi sangat perlu sebagai asas kepada perubahan sikap, gaya hidup manusia tentang plastik dan mengurangkan pencemaran plastik yang signifikan. Kempen dunia tanpa pencemaran plastik mesti dipergiatkan dari sekaran-

Strategi untuk tamatkan pencemaran plastik atau pengurusan penggunaan plastik yang berkesan antaranya ialah menyokong program antarabangsa tentang peraturan

mengenai plastik, mendidik dan mengerakkan seluruh rakyat menuntut kerajaan dan korporat untuk mengawal pencemaran plastik, mengerakkan seluruh rakyat untuk mengamalkan menolak, mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula plastik (*reject, reduce, reuse and recycle plastic*), bekerjasama dengan universiti, guru dan murid untuk tamatkan pencemaran plastik, bekerjasama dengan organisasi lain dan jaringannya untuk menjadikan Hari Bumi 2018 ini sebagai jalan untuk menamatkan pencemaran plastik.

Kerajaan tempatan perlu mengambil tindakan terhadap pencemaran plastik, mengerakkan semua pemberitahuan seluruh dunia melaporkan masalah plastik dan penyelesaiannya.



## Agenda pembangunan lestari

**K**ERAJAAN akan melaksanakan anjakan dasar pembangunan dan merangka pendekatan baharu bagi menangani pelbagai cabaran baharu dalam perancangan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), agenda pembangunan baharu dan Rancangan Malaysia Keselaras (RMK-11).

Namun yang demikian, dalam perkara ini, SDGs perlu mendapat kerjasama semua pihak berkepentingan di peringkat Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ini bermakna, sekiranya Malaysia mahu mencapai status negara maju dalam tempoh lima tahun atau 10 tahun lagi, pembangunan ekonomi tidak lagi boleh dilaksanakan seperti biasa.

Perkara tersebut antara yang diputuskan dalam mesyuarat Majlis Kualiti Alam Sekeling (EKC) pada bulan lalu dipengerusikan oleh Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merangkap Pengurus Majlis Kualiti Alam Sekeling penggal ke-15, Prof Datuk Dr. Mazlin Mokhtar.

Mesyuarat yang diadakan

dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (PKPT), Putrajaya itu juga memutuskan beberapa lagi perkara yang dianggap menunjukkan komitmen kerajaan dalam agenda pembangunan lestari.

Menurut Mazlin, bagi memastikan indikator SDG terutama alam sekitar supaya dapat dinilai dengan baik, kerjasama kesemua ahli Mesyuarat EQC dan agensi masing-masing diperlukan untuk memberikan data dan informasi yang tepat melalui kerangka dan mekanisma yang diselaraskan oleh

Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Perangkaan Malaysia dan institusi lain.

Perkara lain yang turut disentuh adalah berkaitan Pengurusan Data Secara Efektif iaitu data alam sekitar akan diuruskan dengan lebih efektif supaya lebih tepat dan menggambarkan situasi sebenar.

Mesyuarat menyokong cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa khas yang terdiri daripada pelbagai sektor termasuklah kerajaan, industri, pertubuhan bukan kerajaan dan ahli akademik bagi mengumpulkan dan mengaudit data-data. Dalam masa yang sama,

turut disentuh adalah Hala tuju Pengurusan Sisa Pepejal Negara.

Mengenai perkara tersebut, hala tuju Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dititikberatkan bagi merealisasikan pengurusan sisa pepejal yang mampan dan holistik. Mesyuarat juga menetapkan supaya kaedah terbaik juga perlu dicari untuk mengatasi isu-isu sampah di laut, dan juga sampah yang dibuang oleh pengguna jalur raya.

Kerajaan juga disarankan mengambil tindakan dalam menangani isu pengurusan kereta tersadi atau ditinggalkan (*abandoned vehicle*) yang semakin meningkat setiap tahun.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan menguruskan buangan terjadual kereta tersadi di bawah Akta Kualiti Alam Sekeling 1974 dengan mengubah perundangan dan mewujudkan garis panduan bagi menangani isu ini agar dasar pengurusannya dapat dilaksanakan dengan baik,” ujarnya.

Turut diputuskan adalah Program Kesedaran Alam Sekitar - Sekolah Lestari.

Menerusi program tersebut Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (anjuran JAS) dan Eco-School anjuran Dana Hidupan Liar (WWF) Malaysia diperluas ke seluruh negara dengan harapan setiap sekolah di negara ini menyertai program ini. Program sebegini kata beliau,

Majlis Kualiti Alam Sekeling merupakan sebuah badan yang diperuntukkan penubuhannya di bawah Seksyen 4, Akta Kualiti Alam Sekeling 1974 (Pindaan 2012).

Peranan majlis ini adalah menasihati Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar mengenai:

- Perkara-perkara berhubung dengan akta ; dan
- Apa-apa perkara yang dirujukkan kepadanya oleh majlis.

Ahli-ahli majlis adalah terdiri daripada 10 orang wakil daripada pelbagai kementerian (dilantik oleh menteri masing-masing), wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak (dilantik oleh kerajaan negeri masing-masing), wakil industri petroleum, wakil industri sawit, wakil industri getah, wakil persekutuan pekilang-pekilang, wakil kakitangan akademik dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai kepentingan dalam perkara berhubung alam sekitar.

### Tujuh EMT

- Dasar Alam Sekitar (*Environmental Policy*)
- Dasar Perbelanjaan (*Environmental Budgeting*)
- Jawatankuasa Pemantauan Alam Sekitar (*Environmental Monitoring Committee*)
- Fasiliti Alam Sekitar (*Environmental Facility*)
- Kompetensi Alam Sekitar (*Environmental Competency*)
- Komunikasi dan Laporan Alam Sekitar (*Environmental Reporting and Communication*) dan
- Ketelusan Alam Sekitar (*Environmental Transparency*).

memberi manfaat kepada pelajar dalam menjadikan mereka peka terhadap pemuliharaan alam sekitar.

Perkara yang tidak kurang pentingnya adalah Ke Arah Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeling (Udara Bersih) 2014.

Dalam hal ini Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan beberapa siri seminar di seluruh negara sejak tahun 2014 dan penguatkuasaan sepenuhnya pada 5 Jun 2019.